

Para sarjana linguistik Arab menyatakan bahawa *mubtada'* (الْمُبْتَدَأُ) dan *khobar* (الْخَبَرُ) merupakan elemen teras dalam pembentukan ayat nominal Arab, iaitu ayat yang bermula dengan kata nama

(الْجُمْلَةُ الْإِسْمِيَّةُ). Elemen *mubtada'* merujuk kata nama *marfu'* yang pada kebiasaannya berada pada awal ayat, iaitu subjek. Elemen *khobar* pula bererti predikat yang menyempurnakan makna elemen *mubtada'* dan maksud ayat secara holistik.

Pada dasarnya, posisi elemen *mubtada'* dan *khobar* bersebelahan antara satu dengan yang lain. Allah SWT berfirman: (اللَّهُ يَبْسُطُ الرِّزْقَ...) yang bermaksud, "Allah meluaskan rezeki ..." (Surah al-Ra'd 13:26). Ayat ini bercirikan *jumlah ismiyyah* memandangkan ayat berkenaan dimulakan dengan kata nama (الله) sekali gus menuntut penentuan *mubtada'* dan *khobar*.

Berdasarkan contoh ini, isim الله pada awal ayat berfungsi sebagai *mubtada'*. Maka itu, tidak hairanlah apabila kata الله datang dengan akhirannya dammah memandangkan kata ini bercirikan *mubtada'* yang hukumnya *marfu'*. Kata يَبْسُطُ (meluaskan) bercirikan *khobar* yang menyempurnakan makna kata الله.

Terdapat empat jenis *khobar* yang diserlahkan dalam al-Quran, iaitu *khobar mufrad*, *khobar jumlah ismiyyah*, *khobar jumlah fi'liyyah* dan *khobar syibh jumlah*. Secara asasnya, *khobar mufrad* merujuk predikat yang bercirikan satu kata nama *marfu'*. Misalnya dalam Surah al-Qasas ayat 88 (كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ) yang bermaksud "setiap sesuatu akan binasa", *khobar* bagi *mubtada'*, iaitu كُلُّ (setiap sesuatu) ialah هَالِكٌ (binasa), iaitu *marfu'* dengan tanda dammah. Ayat 26 Surah al-Rum (كُلُّ لَهُ قَانِثُونَ) berpolakan *jumlah ismiyyah* yang menunjukkan *khobarnya* ialah kata قَانِثُونَ (tunduk), iaitu *marfu'* dengan tanda wau.

Selain itu, *khobar jumlah ismiyyah* bererti elemen predikat yang bercirikan ayat nominal dengan ada *damir* yang merujuk *mubtada'*. Contohnya, ayat 75 Surah al-Anfal (وَأُولُو الْأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ أَوْلَىٰ بِبَعْضٍ) yang bermaksud "golongan yang mempunyai hubungan kerabat, sebahagian daripada mereka lebih berhak

Mubtada' dan Khobar Subjek dan Predikat

terhadap sebahagian yang lain" menyerlahkan *mubtada'*, iaitu (أُولُو) golongan yang *marfu'* dengan tanda wau. *Khobarnya* bercirikan *jumlah ismiyyah*, iaitu بَعْضُهُمْ أَوْلَىٰ (sebahagian daripada mereka lebih berhak) menunjukkan *damir* (هُمْ) (mereka) yang merujuk

mubtada', iaitu golongan yang mempunyai kerabat (أُولُو). Ayat 8 Surah Yunus (أُولَئِكَ مَاؤْتِيهِمُ النَّارُ) yang bermaksud "tempat mereka itu ialah neraka" memperlihatkan ciri pola *jumlah ismiyyah* memandangkan terdapat isim أُولَئِكَ (mereka itu) pada awal ayat. *Khobarnya* bercirikan *jumlah ismiyyah* (مَاؤْتِيهِمُ النَّارُ) dengan *damir* (هُمْ) (mereka) yang merujuk *mubtada'*, iaitu أُولَئِكَ (mereka itu).

Di samping itu, terdapat *khobar* bercirikan *jumlah fi'liyyah*, iaitu predikat berbentuk ayat yang dimulakan dengan kata kerja. Misalnya, ayat 8 Surah al-Ra'd (اللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَحْمِلُ كُلُّ أُنثَىٰ) berpolakan *jumlah ismiyyah*. Maka itu, kata الله dengan *marfu'* pada awal ayat berfungsi sebagai *mubtada'*. *Khobarnya* bercirikan *jumlah fi'liyyah* dengan fiil mudari, iaitu يَعْلَمُ (mengetahui). Ayat 33 Surah al-Kahfi (كَلِمَاتٍ أَلْفَيْنِ) juga menyerlahkan ciri ayat nominal sekali gus kata كَلِمَاتٍ (kedua-dua) bercirikan *mubtada' marfu'*. *Khobarnya* berbentuk *jumlah fi'liyyah* dengan fiil *mafi'*, iaitu أَتَتْ (menghasilkan).

Khobar syibh jumlah bercirikan predikat yang terdiri daripada frasa gabungan antara partikel *jar* dengan kata nama atau kata *zaraf* dengan kata nama. Contohnya, ayat 40 Surah al-Tawbah (هُمَا فِي الْغَارِ) yang bermaksud "mereka berdua di dalam gua" menyerlahkan pola *jumlah ismiyyah* dengan kata هُمَا bercirikan *mubtada'*. *Khobarnya* berbentuk *syibh jumlah* [partikel *jar* فِي (di dalam) + isim الْغَارِ (gua)]. Namun begitu, *khobar syibh jumlah* terkadang menuntut pertukaran posisi apabila *khobar syibh jumlah* berada pada awal ayat lalu disertakan elemen *mubtada'*. Ayat 59 Surah al-An'am (وَعِنْدَهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ) yang bermaksud, "dan kunci-kunci perkara ghaib adalah di sisi-Nya" memperlihatkan ada *khobar syibh jumlah* dengan gabungan antara kata *zaraf*, iaitu عِنْدَ (di sisi) dengan kata nama هُوَ (Nya) yang ada pada awal ayat lalu disertakan *mubtada'* (مَفَاتِحُ).